

KL, Paris sepakat gesa segerakan gencatan senjata, bantuan ke Gaza

BERITA HARIAN 06 JUL 2025

m/j: 2

Anwar, Macron ulangi pendirian tamatkan krisis di Asia Barat ketika pertemuan di Istana Elysee

Daripada Halim Mohamed
bhnews@bh.com.my

di Paris



Malaysia dan Perancis sepakat gencatan senjata di Gaza perlu dilaksanakan serta-merta, selain memastikan bantuan kemanusiaan dapat disalurkan segera.

Ketegasan itu disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Emmanuel Macron pada sidang media selepas mengadakan pertemuan di Istana Elysee, di sini.

Anwar berkata, kesungguhan Macron yang cuba untuk menyelesaikan krisis di Gaza adalah dipuji.

“Sudah pasti, kita mengutuk serangan bom berterusan dan kekejaman yang dilakukan terhadap orang awam, wanita dan kanak-kanak.

“Ia amat menyedihkan (apabila) komuniti antarabangsa masih gagal menyelesaikan krisis ini,” katanya.

Anwar dalam pada itu berkata, Malaysia mengutuk serangan Israel terhadap Iran dan akan terus menyokong usaha Perancis untuk membawa ke-

amanan di Asia Barat.

“Jika anda katakan ‘tidak’ kepada Iran dan anda katakan ‘ya’ kepada Israel, maka kita berdepan masalah.

“Kita perlu cuba selesaikan namun saya bersetuju dengan anda, kita perlu menekankan kepada Iran supaya menggunakan (nuklear) hanya untuk tujuan dan kaedah yang aman dan membenarkan pemeriksaan yang mereka telah berikan komitmen,” katanya.

Berkongsi pandangan sama, Macron berkata, Iran juga perlu jelas menegaskan sokongan terhadap Perjanjian Pengawasan Senjata Nuklear, menarik balik undang-undang yang mengehadkan kerjasama dengan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

Mengenai Gaza, Macron menegaskan beliau bersama Anwar bersetuju gencatan senjata kekal perlu dilaksanakan di Gaza selain pembebasan tebusan.

“Kami sedang bekerjasama dengan beberapa pihak mengenai perkara ini, antaranya Arab Saudi. Buat masa ini, Israel perlu membenarkan bantuan sampai ke Gaza,” katanya.

Kelmarin, Anwar juga bertemu rakan sejawatan beliau, Francois Bayrou.

Selepas pertemuan dengan Macron, Anwar berlepas ke Brazil untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin BRICS bermula semalam hingga esok.

Dalam pada itu, Macron menyifatkan lawatan dua hari Perdana Menteri ke Perancis sebagai berjaya, dengan kedua-dua negara meningkatkan lagi kerjasama dalam semua sektor.

Beliau berkata, ini dicapai melalui pertemuan peringkat tinggi Anwar dengan Bayrou dan pe-



Anwar bersama Macron ketika mengadakan pertemuan di Istana Elysee, semalam. (Foto BERNAMA)

gawai kanan lain, ucapan penting Anwar di Universiti Sorbonne Paris dan pertemuan dengan wakil perniagaan Perancis.

Macron turut menyifatkan lawatan itu sebagai bermakna berikutan lawatan rasmi terakhir oleh pegawai tinggi Malaysia

adalah 15 tahun yang lalu.

Selain itu, katanya beliau gembira melihat kedua-dua negara memeterai perjanjian dalam bidang seperti mineral dan pembelian pesawat.

“Lawatan ini adalah satu kejayaan. Kami juga mendengar

ucapan anda (Anwar) di universiti dan itu adalah detik yang amat penting,” katanya pada sidang media bersama selepas mengadakan pertemuan dua hala dengan Anwar.

Terdahulu, Anwar menyampaikan syarahan bertajuk, *Southeast Asia and Europe: Recalibrating The Terms of Engagement* di Sorbonne University Paris apabila beliau menggesa kerjasama yang setara dalam semua aspek antara Asia Tenggara dan Eropah.

Hubungan semakin kukuh

Macron berkata hubungan Perancis dengan Malaysia dan ASEAN semakin kukuh serta lawatannya ke Indonesia, Vietnam dan Singapura pada Mei lalu menjadi petunjuk kepada hubungan serantau yang meningkat.

“Di Asia Tenggara, saya menegaskan sokongan kami terhadap jaringan tenaga elektrik serantau, termasuk sokongan terhadap tenaga nuklear awam,” kata beliau.

Sementara itu, Anwar berkata, beliau berharap Presiden Perancis akan mengadakan lawatan ke Malaysia selepas menghadiri Sidang Kemuncak Francophonie Ke-20 di Kemboja tahun depan.

Beliau berkata, hubungan dua hala antara kedua-dua negara semakin kukuh dengan komitmen daripada kerajaan Perancis di bawah kepimpinan Macron.

Perancis kekal sebagai antara lima rakan dagang utama Malaysia dalam kalangan negara EU.

Pada 2024, jumlah dagangan dua hala antara kedua-dua negara mencecah RM15.95 bilion (AS\$3.63 bilion), dengan RM6.26 bilion (AS\$1.49 bilion) direkodkan bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini.